

CNS2808

U CB 12 09 00174 BH003

aab

MAHATHIR: JANGAN MAIN SENTIMEN PERKAUMAN MASA P'RAYA
Mahathir Perkauman

MIRI, 12 Sept (Bernama) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati golongan yang terlibat dengan pilihan raya negeri Sarawak supaya jangan memainkan sentimen perkauman kerana ia boleh membawa padah buruk.

+Politik perkauman hanya akan membakarkan perasaan sesebuah kaum sehingga menimbulkan kebencian mereka terhadap kaum lain sehingga mencetuskan rusuhan kaum,+ kata Perdana Menteri.

Ini akan mengakibatkan kesengsaraan kepada rakyat serta menghancurkan kestabilan politik serta memusnahkan ekonomi negara, kata beliau semasa berucap kepada 2,000 anggota serta penyokong parti Barisan Nasional negeri di Lapangan Terbang Miri setibanya dari Sabah untuk lawatan dua hari ke Bumi Kenyalang.

Beliau menyebut +Trajedi 13 Mei+ yang telah mengorbankan ratusan rakyat sebagai contoh akan bahayanya bahang politik perkauman yang patut dihindari dan tidak harus diulangi.

Sebaliknya, Perdana Menteri mahu rakyat berganding bahu dengan kerajaan Barisan Nasional (BN) membangunkan negara menerusi politik pembangunan, dan bukannya politik perkauman yang berorientasikan pembangunan untuk rakyat tanpa mengira keturunan. Lagi

♥12/09/18 43MST

CNS2809

U CB 12 09 00162 BH004

aab

Mahathir Perkauman 2 Miri

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kejayaan Malaysia dari segi ekonomi dan kestabilan politik, serta perpaduan kaum, mengatasi negara lain, termasuk negara yang maju, hingga menimbulkan iri hati sesetengah pihak di negara tersebut dan mereka telah sanggup memutarbelitkan keadaan yang sebenarnya menerusi media massa.

Kejayaan ini telah berjaya membawa pertumbuhan ekonomi pada kadar 10 peratus tahun lepas berbanding dengan hanya dua peratus di negara negara yang menganggotai Kesatuan Eropah, tambahnya.

+Tahun ini kita jangka kadar pertumbuhan ini menurun sebanyak dua peratus, iaitu kepada lapan peratus, tetapi jumlah ini masih lagi tinggi daripada negara Kesatuan Eropah,+ katanya.

+Apa jua pun, kita harus tentukan kadar pertumbuhan ini adalah pada paras tujuh peratus sehingga tumbuh lapan kali ganda daripada pendapatan per kapita negara yang kini US\$2,300 setahun menjadi US\$17,000 setahun mengikut nilai semasa.

+Ini dapat kita capai kalau kita tumpukan usaha kita kepada politik pembangunan,+ kata beliau. Lagi

♥12/09/18 45MST

CNS2811

U CB 12 09 00310 BH005

aab

Mahathir Perkauman 3 Miri

Oleh itu, rakyat berbilang kaum harus mengekalkan kerajaan yang telah menunjukkan kebolehan serta minat untuk berkhidmat kepada mereka, katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan BN di Sarawak memerlukan kesinambungan bagi menjayakan program pembangunan yang selari dengan dasar kerajaan Persekutuan serta mendapat sokongan penuh kerajaan pusat.

Beliau berharap rakyat tidak akan terpengaruh dengan hasutan golongan yang memainkan sentimen perkauman.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan BN, termasuk di Sarawak, tidak tamak kuasa dan mengamalkan konsep perkongsian kuasa kerana ia mahu semua kaum, termasuk golongan minoriti, menikmati faedah pembangunan yang dikhaskan untuk mereka.

Amalan perkongsian kuasa yang adil ini juga adalah untuk mengelakkan perasaan tidak puas hati daripada mana mana kaum, jelasnya. Lagi.

CNS2853

U CB 12 09 00152 BH008

aab

Mahathir Perkauman 4 Miri

Datuk Seri Dr Mahathir berkata amalan ini jelas daripada tindakan kerajaan BN mengadakan pilihan raya setiap kali diperlukan, kadangkala sebelum tamat tempoh, dan ini mencerminkan keyakinan kerajaan terhadap kebijaksanaan rakyat menentukan pilihan mereka.

Selain itu, langkah itu adalah bagi memastikan kerajaan menjalankan tanggungjawabnya sebagai sebuah negara yang demokrasi, walaupun terdapat sungutan yang menuduh bahawa amalan demokrasi tidak wujud di Malaysia, katanya.

+Kita tidak hendak kerajaan pelampau, yang tidak mahu berkongsi kuasa dengan kaum lain,+ katanya.

Perdana Menteri percaya di Sarawak, rakyatnya menolak golongan pelampau dan memberi mandat baru kepada kerajaan yang diketuai oleh Ketua Menteri, Tan Sri Haji Taib Mahmud, yang telah membuktikan kesungguhan serta keupayaan berkhidmat untuk semua kaum.

Katanya rakyat akan memberi mandat baru itu untuk kerajaan negeri terus memberi pembangunan kepada mereka dan menolak golongan yang memperjuangkan sentimen perkauman. Lagi

♥12/09/19 13MST

CNS2859

U CB 12 09 00106 BH000

aab

Mahathir Perkauman 5 Miri (akhir)

Sebelum itu, Tan Sri Taib berkata kerajaan BN negeri Sarawak akan menggunakan sumber yang terdapat di negeri ini, termasuk kayu kayan, untuk program perindustriannya bagi ekonomi semua golongan dan kaum sehingga mereka menjadi rakyat Malaysia yang dihormati.

+Ini akan kita laksanakan menerusi konsep politik pembangunan yang selari dan berlandaskan dasar kebangsaan dan Wawasan 2020,+ kata beliau, dan menambah ini akan menjadi teras perjuangan kerajaan BN negeri.

Perdana Menteri dan isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali telah diberikan sambutan permadani merah serta persembahan tarian tradisional pelbagai kaum dari Sarawak setiba mereka di Lapangan Terbang Miri, di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang diiringi oleh Tan Sri Haji Taib, kemudiannya menaiki helikopter ke Bekenu, 49km dari sini, untuk upacara penurapan jalan Bekenu.

Malam ini, beliau akan menghadiri majlis jamuan malam pelbagai kaum di Dewan Suarah, Miri sebelum berangkat ke Kuching pagi esok.

Setibanya di Kuching, beliau akan terus ke Betong di Bahagian Seri Aman sebelum balik ke Kuala Lumpur.

Beliau juga akan bersembahyang Jumaat di Masjid Jamek negeri di Kuching. Bernama